

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

Pemakluman Akreditasi Pematuhan (*Compliance Accreditation*) sebagai Mekanisme Baharu menggantikan Akreditasi Pelanjutan (*Extending Accreditation*) dan Akreditasi Penerusan (*Continuing Accreditation*)

[Surat Pemakluman MBOT bertarikh 5 Disember 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. MBOT telah menambah baik mekanisme akreditasi program teknologi dan teknikal dengan memperkenalkan Akreditasi Pematuhan (*Compliance Accreditation*) bagi menggantikan Akreditasi Pelanjutan (*Extending Accreditation*); dan Akreditasi Penerusan (*Continuing Accreditation*) bagi program yang tidak mendapat tempoh akreditasi selama enam tahun.
- ii. Melalui Akreditasi Pematuhan (*Compliance Accreditation*), program yang tidak memenuhi **syarat minor** akan diberikan tempoh akreditasi selama dua tahun terlebih dahulu. Dalam tempoh tersebut, pemilik program perlu mengemukakan bukti pematuhan dan MBOT akan melaksanakan Akreditasi Pematuhan (*Compliance Accreditation*). Sekiranya semua syarat dipenuhi, program tersebut akan diberikan baki tempoh akreditasi.
- iii. Pelaksanaan mekanisme ini adalah terpakai kepada semua permohonan program yang dikemukakan kepada MBOT melalui MQA bermula **1 Januari 2026**.
- iv. Surat pemakluman dan garis panduan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk di Lampiran 1 dan Lampiran 2 serta boleh dimuat turun melalui laman sesawang CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#). Manakala dokumen *Self-Review Report (SRR08)- Compliance Accreditation* yang mengandungi maklumat umum pemberi pendidikan tinggi, maklumat program dan senarai bukti tindakan ke atas syarat boleh didapati di laman sesawang <https://www.ttasmbot.org.my/> untuk dilengkapkan oleh pemilik program.

Tindakan di peringkat UPM

- v. Fakulti Pertanian (FP) mempunyai program yang akan menjalani Akreditasi Penuh di bawah MBOT pada tahun 2026. Sekiranya program berkenaan diberikan syarat, FP perlu mengambil maklum keperluan menjalani Akreditasi Pematuhan dalam tempoh dua tahun daripada kelulusan diberikan MBOT.
- vi. Permohonan Akreditasi Pematuhan perlu berlaku dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi sesuatu kitaran. Kegagalan program mengemukakan *Self-Review Report 08 - Compliance Accreditation* dalam tempoh masa yang ditetapkan mengakibatkan pemilik program dikehendaki menghantar *Self-Review Report 02 - Full/New Cycle Accreditation*.
- vii. Setelah program yang menjalani Akreditasi Penuh mengambil tindakan ke atas semua ketidakpatuhan, program akan diberikan baki tempoh akreditasi selama

empat tahun lagi. Manakala bagi program yang mendapat Akreditasi Sementara, program boleh mula ditawarkan.

- viii. MBOT telah menetapkan dua kaedah Akreditasi Pematuhan iaitu audit lokasi (*physical audit*) dan audit dokumen (*desktop audit*) dengan kadar fi seperti ketetapan berikut:

No.	Kategori Akreditasi	Kaedah Audit Dijalankan	Kadar Fi (RM)
1.	Akreditasi Sementara	<i>Desktop audit</i>	2500.00
2.	Akreditasi Penuh (tidak memenuhi syarat minor semasa audit lokasi dijalankan)	<i>Physical audit</i>	4000.00
3.	Akreditasi Penuh (tidak memenuhi syarat minor semasa audit dokumen dan audit lokasi dijalankan)	<i>Physical audit</i>	4000.00
4.	Akreditasi Penuh (gagal memenuhi syarat minor semasa audit dokumen dijalankan)	Semakan dokumen secara <i>desktop audit</i>	Tidak berkenaan

Nota: Kos perjalanan untuk Panel Penilai dan Sekretariat MBOT bagi *physical audit* adalah dibawah tanggungan pemilik program.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
Tarikh Kemas Kini: 2 Januari 2026